

# **RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN**

## **PENGENALAN**

Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) ini telah disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) untuk tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2011 sehingga 2020.

Penyediaan RPH ini adalah bagi memenuhi peruntukan perundangan dalam Seksyen 4 dan Seksyen 20 Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993). RPH ini merupakan dokumen asas yang akan dijadikan panduan dalam semua aspek pengurusan hutan di Negeri Selangor bagi sepanjang tempoh tersebut. RPH ini meliputi keseluruhan kawasan HSK bagi Negeri Selangor iaitu Hutan Asli, Hutan Ladang dan Taman Negeri bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2020. Dari segi Hutan Asli, ia terbahagi kepada tiga jenis hutan iaitu Hutan Darat (dry inland forests), Hutan Paya Laut dan Hutan Paya Gambut. Hutan yang diurus adalah Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang mempunyai keluasan sebanyak 250,129 ha.

Seperti yang dikehendaki di bawah Akta tersebut, HSK akan diurus berdasarkan kepada prinsip Pengurusan Sumber Secara Berkekalan untuk mengoptimumkan faedah sosial ekonomi dan alam sekitar. Pengawasan yang rapi terhadap kawasan hutan haruslah dijalankan secara sistematik dan berterusan. Rancangan ini digubal dengan objektif untuk mencapai pengurusan dan pembangunan berkekalan sektor perhutanan selaras dengan dasar, strategi dan matlamat pengurusan hutan yang mengambil kira keperluan sosio-ekonomi, alam sekitar serta kepelbagaian biologi.

Dalam penyediaan RPH ini, JPNS telah mengambil kira aspirasi negara untuk memelihara, mentadbir dan mengurus hutan secara berkekalan. Ia juga mengambil kira polisi negeri untuk memelihara sumber hutan dengan mengenakan moratorium (tempoh pembekuan) ke atas pembalakan hutan selama 25 tahun bermula dari tahun 2010. Disamping itu, penyediaan RPH ini adalah untuk memenuhi keperluan penting bagi Pensijilan Hutan diperingkat tempatan dan antarabangsa. Ringkasan eksekutif RPH ini dipamerkan dalam laman sesawang JPNS.

RPH ini memaparkan senarai komprehensif arahan-arahan dan pelan tindakan yang akan diikuti dan dilaksanakan oleh JPNS dalam usaha menguruskan dirian hutan bagi tempoh kira-kira 10 tahun akan datang demi untuk memastikan kesinambungan dan perkembangan sektor perhutanan di sepanjang tempoh masa yang dimaksudkan, serta

tahun-tahun seterusnya. RPH ini juga mengandungi senarai arahan berhubung dengan langkah-langkah yang dicadangkan bagi menghadapi dan mengurangkan kesan-kesan negatif dari pelaksanaan pelbagai aktiviti perhutanan ke atas sumber biodiversiti, alam sekeliling dan komponen-komponen lain dari ekosistem. Pelaksanaan RPH adalah tanggungjawab Pengarah Perhutanan Negeri Selangor. Oleh yang demikian, adalah wajar dokumen ini dilihat sebagai dokumen yang dinamik yang perlu dikemaskini mengikut perubahan masa dan keadaan. Sehubungan dengan ini adalah menjadi keperluan untuk melaksanakan semakan separuh penggal dokumen ini pada tahun 2015 atau 2016

### **Strategi Perhutanan**

Dasar strategi jangka panjang Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) adalah berpandukan kepada Dasar Perhutanan Nagara 1978 (pindaan 1992) yang telah diterimapakai oleh kerajaan negeri. Secara amnya dasar ini menjurus ke arah menjamin kestabilan alam sekitar serta memastikan pembangunan negeri dapat berjalan dengan lancar. JPNS kini lebih mengutamakan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan negeri yang merangkumi aspek bekalan air bersih, kemudahan rekreasi, perlindungan tanah serta pemeliharaan flora dan fauna. Pendekatan ini berbeza dengan masa dahulu di mana sumber hutan adalah merupakan hasil utama negeri. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam mengurus, membangun, memelihara serta mentadbir khazanah hutan negeri, JPNS telah menyusun strategi seperti berikut:

- Mengekal Hutan Simpan sedia ada dan meningkatkan keluasan;
- Mengurus kawasan pengeluaran, pemuliharaan dan perlindungan hutan berdasarkan kelas kegunaannya;
- Mengekal dan menguruskan kawasan hutan yang sedia ada untuk menjaga iklim dan rupa bumi yang sempurna, bekalan air bersih yang mencukupi, kesuburan tanah yang terpelihara, keadaan alam sekeliling yang stabil serta mengurangkan kesan banjir dan hakisan kepada sungai, tanah pertanian dan kawasan kediaman;
- Melaksanakan Rancangan Pengurusan Hutan secara intensif dan sistematik serta mewujudkan komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) perhutanan yang terkini untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri;
- Menjamin pengeluaran semua jenis hasil hutan dalam negeri secara berkekalan dengan mengimbangi keperluan, ekonomik, sosial dan ekologi untuk kegunaan tempatan dan eksport;

- Mengadakan sejumlah kawasan yang mencukupi sebagai tempat rekreasi, eko pelancongan, penyelidikan, pemeliharaan kepelbagaian biologi dan pendidikan untuk masyarakat mengenai perhutanan;
- Melaksanakan Kriteria, Petunjuk, Aktiviti dan Piawaian Pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (MC&I, 2002) dan MS ISO 9001:2008;
- Menguatkuasakan undang-undang hutan secara cekap dan berkesan melalui pemantauan, perisikan dan pendakwaan;
- Menyediakan pelan induk serta memajukan Taman Negeri Selangor dan Hutan Lipur di samping mempromosikannya sebagai destinasi pelancongan;
- Meningkatkan teknologi mesra alam dalam pengusahasilan serta penggunaan sisa- sisa hutan dan kilang selain menggalakkan pemprosesan hiliran keluaran hutan;
- Menggalak serta menyokong program Hutan Tani dan aktiviti Perhutanan Bandar
- Melaksanakan program Pembangunan Sumber Manusia; dan
- Mengadakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi.

Perkembangan pesat dalam sektor perhutanan kebelakangan ini telah menarik perhatian banyak pihak baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa untuk menimbulkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan mengekal, memelihara dan mengurus hutan bagi kesejahteraan masyarakat. Bagi memperkukuhkan lagi fungsi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menggubal Pelan Perancangan dan Tindakan Strategik JPSM 2008 - 2020 untuk dijadikan sumber rujukan bagi perancangan dan pelaksanaan aktiviti Jabatan. Pelan Strategik ini mengandungi tujuh (7) teras utama:

- (i) Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Hutan;
- (ii) Keberkekalan Sumber Hutan;
- (ii) Pengusahasilan Sumber Kayu Dan Sumber Bukan Kayu;
- (iv) Penilaian Ekonomi Sumber Hutan;
- (v) Pembangunan dan Pengurusan Pengetahuan;
- (vi) Pemeliharaan Keplbagaian Biologi; dan
- (vii) Ekopelancongan.

## **Dasar Pengurusan Hutan**

Sejajar dengan kehendak dan peruntukan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang telah diterimapai oleh kerajaan Negeri Selangor, Dasar Pengurusan Hutan menekankan supaya perkara-perkara berikut dilaksanakan dengan berkesan:

- (i) memperuntukkan kawasan hutan yang mencukupi sebagai HSK di seluruh negeri;
- (ii) mengurus HSK bagi memaksimumkan faedah sosio-ekonomi dan alam sekitar sejajar dengan kehendak prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB);
- (iii) menggalakkan pengusahasilan dan penggunaan semua jenis keluaran hutan secara terbaik bagi faedah-faedah ekonomi yang maksimum;
- (iv) menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam penubuhan Ladang Hutan jenis cepat tumbesar atau berkualiti tinggi bagi menambah sumber bekalan kayu kayan;
- (v) meningkatkan pengeluaran hasil hutan bukan kayu melalui amalan Pengurusan Hutan yang saintifik dan berkekalan bagi menampung bekalan kepada permintaan tempatan dan Keperluan industri berkaitan;
- (vi) memelihara kepelbagaian biologi dan kawasan hutan yang mengandungi jenis-jenis flora, fauna dan ekosistem yang unik; dan
- (vii) menjalin kerjasama dan perhubungan yang lebih rapat di antara JPNS dengan pihak berkaitan dalam bidang perhutanan bagi kepentingan dan faedah pemindahan teknologi, pertukaran maklumat dan kepakaran.

## **MATLAMAT DAN PROGRAM**

Dalam tempoh RPH ini penekanan diberi untuk mencapai objektif Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) yang merangkumi kesemua piawaian pelaksanaan yang ditetapkan bagi kriteria, petunjuk dan aktiviti yang telah dikenalpasti. Bagi maksud tersebut, objektif terdekat RPH ini disusun mengikut keutamaan dalam lapan (8) program utama seperti di para 1.4.1 hingga 1.4.8.

### **1.4.1 Pengurusan Sumber Hutan**

Tujuan program ini ialah untuk memantap dan memperkasakan pentadbiran Hutan

Simpanan Kekal (HSK) menerusi penyelenggaraan rekod di pejabat dan juga di lapangan bagi menjamin PHSB.

Program yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat Pengurusan Sumber Hutan adalah seperti berikut:

(i) Latar Belakang

Objektif program ini merangkumi dua aspek utama dalam Pengurusan Sumber Hutan iaitu kemampuan dan keupayaan kawasan HSK dikekalkan dan sistem serta mekanisme Pengurusan sumber bagi tujuan perolehan berkekalan mengikut fungsinya.

(ii) Jangkaan Output

- a) Pengekalan keluasan HSK pada tahap 30 % daripada keluasan tanah Negeri Selangor,
- b) Pengelasan dan pemeliharaan HSK,
- c) Pewujudan sistem maklumat hutan secara sistematik dan berkomputer bagi pencapaian data perhutanan dengan lebih mudah, cepat serta tepat,
- d) Pencegahan dan pengawalan hutan di dalam dan di luar HSK daripada berlakunya kebakaran.

(ii) Strategi Pelaksanaan

- a) Mengekalkan keluasan HSK mengikut fungsi Hutan
- b) Mengelaskan HSK mengikut fungsi hutan, Melaksanakan pengusahaan yang berkesan serta memenuhi kehendak Pensijilan Hutan, dan
- c) Menyediakan RPH bagi semua jenis hutan di Negeri Selangor (Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut).

Program ini melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- Menyukat dan menyelenggara sempadan HSK;
- Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F);
- Sistem Maklumat Perhutanan/Rancangan Pengurusan Hutan;
- Pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan; serta
- Pembangunan aplikasi dan data geospasial perhutanan.

#### 1.4.2 Pembangunan Sumber Hutan

Tujuan utama program ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan hutan melalui

Perlaksanaan operasi-operasi pemulihan supaya pengeluaran kayu dan lain-lain keluaran hutan terjamin pada masa akan datang. Program yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat pembangunan Sumber Hutan adalah seperti berikut:

(i) Latar Belakang

Objektif program ini merangkumi dua aspek utama dalam Pembangunan Sumber Hutan iaitu keupayaan sumber hutan itu sendiri untuk diperbaharui dan kaedah yang digunakan bagi meningkatkan produktiviti untuk menjamin perolehan berkekalan. Selain daripada itu, objektif ini juga memberi penekanan kepada peningkatan pengeluaran hasil hutan bukan kayu secara berkekalan.

(ii) Jangkaan Output

- (a) Pengekalan keluasan HSK pada tahap 30 % daripada keluasan tanah Negeri Selangor,
- (b) Pengkelasan dan pemeliharaan HSK, dan
- (c) Pengusahasilan berimpak rendah.

(iii) Strategi Pelaksanaan

- (a) Melaksanakan RPH sepenuhnya,
- (b) Menjalankan rawatan silvikultur, dan
- (c) Menggalakkan pengeluaran pelbagai hasil hutan.

Aktiviti yang terlibat di dalam program ini ialah seperti:

- Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F);
- Pemeliharaan Hutan Semulajadi;
- Penubuhan/Pengurusan Hutan Tadahan Air;
- Penubuhan dan Pembangunan Taman Negeri Selangor;
- Penandaan pokok;
- Tanaman mengaya;
- Tanaman bakau;
- Tanaman herba;
- Tanaman pokok nadir; dan
- Tapak semaian.

### 1.4.3 Perhutanan Masyarakat

Program ini bertujuan untuk memberi kemudahan dan faedah kepada masyarakat seperti menyediakan kawasan-kawasan rekreasi, pengindahan kawasan persekitaran bandar dan lebuh raya serta mengadakan kawasan sesuai untuk tujuan pendidikan.

Program yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat

Perhutanan Masyarakat adalah seperti berikut:

#### (i) Latar Belakang

Objektif program ini memberi penekanan kepada konsep kepelbagaian sumber hutan bagi memastikan faedah yang maksimum diperolehi daripada kawasan HSK yang berhampiran atau yang sesuai digunakan oleh penduduk bandar untuk keperluan sosial serta pembelajaran. Dalam tempoh RPH ini, tumpuan diberi kepada pembangunan kawasan rekreasi, pendidikan hutan, penghijauan kawasan bandar dan meningkatkan kepelbagaian spesies pokok hutan melalui program penggalakan komuniti.

#### (ii) Jangkaan Output

- (a) Pembangunan kawasan rekreasi yang sesuai di dalam HSK,
- (b) Program-program dan penerbitan untuk pendidikan perhutanan, dan
- (c) Aktiviti-aktiviti yang melibatkan penduduk tempatan.

#### (iii) Strategi Pelaksanaan

- (a) Meningkatkan kemudahan Hutan Lipur di seluruh Negeri Selangor,
- (b) Meningkatkan program promosi dan pembelajaran untuk Hutan Pelajaran dan pendidikan di setiap daerah hutan,
- (c) Menambah bekalan anak benih untuk penghijauan kawasan bandar dan kawasan penempatan, dan
- (d) Menambah bekalan dan kepelbagaian spesies pokok hutan melalui penubuhan Hutan Perkampungan.

Program ini melibatkan projek-projek seperti berikut:

- Hutan Lipur;
- Perhutanan Bandar;

- Hutan Pelajaran;
- Tanaman Hutan Perkampungan;
- Tanaman perhutanan kawasan terosot dan sensitif; dan
- Tanaman Perhutanan Tani.

#### 1.4.4 Pemeliharaan Alam Sekitar

Program ini bertujuan untuk pemeliharaan hutan bagi tujuan selain pengusahasilan iaitu untuk menjaga kestabilan alam sekitar dan mengadakan kawasan untuk tujuan penyelidikan serta pemeliharaan biodiversiti fauna dan flora. Program yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat pemeliharaan alam sekitar adalah seperti berikut:

##### (i) Latar Belakang

Objektif program ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti penyelidikan dalam bidang perhutanan bagi mencapai objektif dan memantapkan pelaksanaan keseluruhan RPH. JPNS sebagai agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk menilai, menambahbaik dan Mengamalkan semua prosedur, teknik dan peraturan pengurusan dan pembangunan hutan melalui hasil penyelidikan yang terkini. JPNS akan menyokong pelaksanaan kajian berkaitan demi meningkatkan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB)

##### (ii) Jangkaan Output

- (a) penambahbaikan teknik Pengurusan Hutan,
- (b) penemuan teknologi baru,
- (c) keberkesanan kos bagi aktiviti di sektor perhutanan, dan
- (d) peningkatan penyebaran maklumat saintifik perhutanan yang mudah diperolehi.

##### (ii) Strategi Pelaksanaan

Menjalinkan hubungan dan kerjasama erat di antara IPNS dengan institusi penyelidikan sektor perhutanan di dalam dan luar negara. Di samping itu, JPNS juga menyediakan/membenarkan kawasan HSK di negeri ini untuk dijadikan tapak- tapak penyelidikan yang bersesuaian.

Program ini melibatkan projek-projek seperti berikut:

- Hutan Simpanan Hutan Dara
- Tanaman kawasan pantai;
- Rawatan tanaman matau, jalan utama dan lorong penarik; dan
- Inventori Hutan Simpanan Dara



#### 1.4.5 Seranta/Pengembangan hutan

Meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan hutan terhadap kehidupan serta alam sekitar dan pengibatan orang awam dalam aktiviti perhutanan. Dalam RPH 2011- 2020 ini penekanan akan diberikan kepada aktiviti yang memberi impak yang besar kepada orang awam melalui penyebaran maklumat yang mana melibatkan kos yang tidak terlalu besar berbanding kos permbangunan infrastruktur. Program yang dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat seranta/pengembangan hutan adalah seperti berikut:

##### (i) latar Belakang

Objektif program ini ialah untuk memastikan masyarakat sedar akan fungsi tanggungjawab dan aktiviti JPNS dalam mengekal, mengurus dan memelihara kawasan hutan. Keduanya adalah untuk menjamin supaya setiap rakyat di Negeri Selangor dapat memahami dan menghayati peranan dan sumbangan hutan itu sendiri terhadap kesejahteraan hidup. Kesedaran ini boleh meningkatkan penglibatan rakyat dalam aktiviti perhutanan khususnya dalam pengekalan dan peningkatan penghijauan di negara ini.

##### (ii) Jangkaan Output

(a) Peningkatan fahaman dan kesedaran umum terhadap fungsi dan peranan JPNS

(b) Penerimaan masyarakat terhadap JPNS sebagai agensi utama dalam Pengurusan Hutan secara profesional bagi menjamin keberkekalan sumber hutan,

(c) Peningkatan kesedaran dan keperihatinan orang ramai terhadap fungsi hutan kepada kehidupan dan alam sekitar, dan

(d) Kerjasama di antara institusi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak swasta untuk memelihara kawasan hutan.

##### (iii) Strategi Pelaksanaan

(a) Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman orang ramai mengena perhutanan melalui penglibatan dalam aktiviti perhutanan,

(b) Meningkatkan jumlah bahan-bahan maklumat perhutanan, dan

(c) Bekerjasama dengan institusi kerajaan dan bukan kerajaan damenyebarkan maklumat perhutanan.

##### (iv) Projek Pengembangan Hutan

###### Aktiviti

- Khidmat nasihat mengenai penanaman dan penjagaan pokok, dan
- Bekalan anak-anak pokok

###### (b) Publisiti Perhutanan

###### Aktiviti

- Penerbitan bercetak,
- Ceramah pendidikan,
- Pameran Perhutanan, dan
- Program perkhemahan dan program kembara

#### 1.4.6 Pembalakan Haram Sifar

Program ini bertujuan untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kegiatan pembalakan dan penerokaan haram di Negeri Selangor yang masih berleluasa disebabkan ketidakupayaan Jabatan untuk menyediakan prasarana yang lengkap dan sempurna dalam menangani masalah ini. Proiekt dan aktiviti yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat pembalakan haram sifar adalah seperti berikut:

(i) Latar Belakang

Objektif Projek ini bertujuan untuk memantapkan kecekapan dan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan dan pengawalan sumber hutan. Ianya merangkumi aktiviti risikan, serbuan/rondaan, penyiasatan dan pendakwaan dengan kelengkapan dari segi alat dan tenaga kerja yang berkemahiran dalam usaha ke arah pencapaian pembalakan haram sifar untuk menjamin keberkekalan sumber khazanah hutan negeri. Selain daripada itu ianya memberi penekanan kepada kegunaan dan pemprosesan hasil hutan bukan kayu untuk mengurangkan tekanan ke atas pembukaan Hutan Asli.

(ii) Jangkaan Output

- (a) Memotivasikan pasukan Penguatkuasaan Hutan untuk bertindak dengan lebih cekap dan berkesan dalam menangani masalah pembalakan haram
- (b) Perseimbangan pemprosesan dengan penyediaan bekalan bahan mentah,
- (c) Penggunaan pelbagai bahan mentah bukan kayu,
- (d) Kewujudan industri yang lebih cekap dan berdaya maju, dan
- (e) Penggunaan teknologi terkini.

(iii) Strategi Pelaksanaan

- (a) Melengkapkan kemudahan untuk tujuan penguatkuasaan dan siasatan,
- (b) Menggalakkan insentif kepada pemberi maklumat,
- (c) Menggalakkan pembangunan industri hiliran dengan teknologi terkini,
- (d) Mengawal bilangan industri pemprosesan utama, dan
- (e) Menggalakkan penggunaan pelbagai hasil hutan bukan kayu komersial.

Antara aktiviti yang terlibat di dalam program ini ialah:

- Penguatkuasaan Hutan dan kawalan sumber hutan; dan
- Kawalan Industri Berasaskan Kayu.

Memandangkan moratorium pembatakan masih berkuatkuasa pada masa ini, bekalan bahan mentah untuk industri ini perlu diperolehi dari negeri lain atau industri perlu diperkecilkan kepada saiz yang munasabah.

#### 1.4.7 Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB)

Program ini bertujuan untuk menjayakan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan yang merangkumi semua aspek baik dari segi pemeliharaan biodiversiti sehingga ke pengesanan produk kayu yang dieksport dihasilkan dari hutan yang diurus secara mampan Ia juga meliputi peranan biodiversiti khususnya hidupan liar sebagai pengimbang kepada ekosistem dan sebagai ejen penyebaran bi benih hutan serta keperluan mengadakan dan mengurus kawasan Hutan yang Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi (HCVF) yang perlu ditubuhkan berdasarkan Pensijilan Hutan.

Projek dan aktiviti yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan adalah seperti berikut:

##### (i) Latar Belakang

Objektif program ini adalah untuk memastikan kawasan HSK dilindungi daripada pencerobohan dan gangguan manusia serta kebakaran. Pelaksanaan program ini juga penting untuk mempertingkatkan pemuliharaan kepelbagaian biologi dan memastikan kualiti alam sekitar tidak merosot akibat daripada aktiviti pengusahaan. Seajar dengan objektif utama Dasar Perhutanan Negara yang bersifat serampang dua mata iaitu untuk memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan prinsip pengurusan mampan dan melindungi alam sekitar, memelihara kepelbagaian biodiversiti dan sumber-sumber genetik, serta mempertingkatkan penyelidikan dan pendidikan. Penekanan pemeliharaan sumber hutan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi telah diberi penekanan pada tahun 1992 menggambarkan komitmen Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED), Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) dan United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) Di dalam Dasar tersebut, Hutan Simpanan Kekal diklasifikasikan di bawah empat (4) fungsi utama seperti berikut:

- (a) Hutan Perlindungan untuk memastikan iklim dan persekitaran fizikal yang dapat melindungi sumber air, kesuburan tanah, meningkatkan kepelbagaian biologi, mengurangkan pencemaran sungai dan tanah pertanian akibat banjir dan hakisan;
- (b) Hutan Pengeluaran untuk mengekalkan bekalan kayu-kayan pada kadar yang berpatutan secara mampan untuk kegunaan domestik dan eksport;
- (c) Hutan Kemudahan (amenity) untuk melindungi kawasan-kawasan hutan bagi tujuan rekreasi, eko-pelancongan dan kesedaran awam; dan
- (d) Hutan Penyelidikan dan Pendidikan untuk menjalankan penyelidikan pendidikan dan melindungi kepelbagaian biologi.

Mengikut Akta Perhutanan Negara, 1984 Seksyen 10(1) terdapat 12 kelas dalam pengelasan HSK mengikut fungsi yang perlu dikenalpasti oleh Pengarah dan seterusnya diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Perlindungan kawasan hutan boleh diusahakan dalam kawasan HSK yang telah

dikhaskan untuk kelas Hutan Perlindungan Tanah, Hidupan Liar, Hutan Simpanan Hutan Dara, Hutan Lipur, Hutan Pelajaran, Hutan Penyelidikan, Hutan Tadahan Air dan Taman Negeri. Kebelakangan ini, usaha untuk penyediaan panduan penubuhan Hutan Perlindungan Hidupan Liar, Hutan Lipur dan Hutan Tadahan Air sedang giatdijalankan. Selain daripada itu, pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang dalam proses penyediaan Kaedah-kaedah Hutan Perlindungan Hidupan Liar.

Justeru itu, tujuan perlindungan hutan ialah untuk melindungi kawasan HSK daripada gangguan fizikal, persekitaran dan perosak serta memelihara kepelbagaian biologinya. Objektif perlindungan hutan antara lain ialah untuk memastikan kawasan HSK dilindungi daripada pencerobohan manusia, kebakaran dan serangan penyakit serta serangga. Disamping itu, ianya juga meliputi perlindungan ke atas kepelbagaian biologi bagi mengelakkan dari kepupusan biodiversiti.

(ii) Jangkaan Output

- (a) peningkatan penguatkuasaan undang-undang,
- (b) pengurangan insiden kebakaran,
- (c) lebih banyak kawasan pemuliharaan in situ ditubuhkan dipelihara, dan
- (d) peningkatan fungsi-fungsi asas alam sekitar dalam menangani perubahan cuaca secara mendadak serta menjamin berkekalan sumber air, udara dan kesuburan tanah-tanah tidak terjejas.

Untuk mengawal kemusnahan dan kemerosotan fizikal dan persekitaraan oleh manusia serta perlindungan kawasan hutan daripada kebakaran beberapa kriteria, aktiviti dan petunjuk telah dicadangkan sepertimana yang diterangkan dalam Bab 7 untuk pemeliharaan kepelbagaian biologi.

(iii) Strategi Pelaksanaan

- (a) Bagi mengelakkan pencerobohan, setiap sempadan luar HSK akan diukur dan diselenggara dengan kerap termasuk memastikan tanda-tanda sempadan adalah jelas. Pemantauan berterusan akan di buat untuk mengelakkan pencerobohan. Setiap pencerobohan akan diambil tindakan tegas sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993),
- (b) Bagi mengawal kebakaran hutan, kawasan-kawasan yang sememangnya kerap mengalami kes-kes kebakaran seperti kawasan Hutan Paya Gambut akan dipantau dengan lebih kerap. Kerjasama yang lebih erat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia dapat membantu dalam mengenalpasti tempoh kemarau setiap tahun,
- (c) Bagi pemuliharaan kepelbagaian biologi pula, kawasan-kawasan HSK yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi tetapi masih belum diberi perlindungan akan dikenalpasti. Mengikut kesesuaian, kawasan-kawasan ini akan ditubuhkan di bawah jenis Hutan Simpanan Hutan Dara (HSHD) atau Hutan yang Tinggi Nilai Pemeliharaannya (HCVF). Disamping itu, penyelenggaraan sempadan HSHD dan HCVF yang sedia ada dan pemulihan kawasan hutan terosot dalam HSK terpilih akan dilaksanakan, dan
- (d) Bagi memastikan kualiti alam sekitar tidak merosot akibat daripada aktiviti pengusahasilan, penilaian impak alam sekitar akan dilaksanakan bagi semua kawasan pengusahasilan yang melebihi 500 ha. Semasa pembalakan dijalankan, peraturan-peraturan dalam Reduced Impact Logging dan langkah-langkah tebatan perlu dipatuhi.

Projek-projek di bawah program ini ialah seperti berikut:

- Central Forest Spine; dan
- Sistem Pengurusan Hutan berasaskan Radio Frequency Identification (RFID).

#### 1.4.8 Pembangunan Tenaga Manusia / Infrastruktur

Program ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti rumah dan jalan serta mengadakan latihan kepada kakitangan Jabatan bagi menjamin tenaga kerja terlatih di sektor perhutanan.

Program ini akan dilaksanakan untuk merealisasikan dasar, strategi dan matlamat pembangunan tenaga manusia/infrastruktur dengan:

(i) Latar Belakang

Memberi penekanan penyediaan kemudahan infrastruktur dan logistik yang lengkap dan teratur bagi membantu JPNS untuk mentadbir, mengurus dan membangun sumber hutan serta sumber manusia dengan berkesan untuk mencapai misi dan wawasan JPNS. Kemudahan ini meliputi pembinaan dan penyelenggaraan bangunan pejabat, kuarters, pusat latihan, penjagaan rangkaian jalan akses hutan, dan penyelenggaraan/pembelian kenderaan serta peralatan. Usaha perlu dibuat bagi memantapkan struktur organisasi dan meningkatkan kualiti sumber manusia. Di samping itu, sumber kewangan yang mencukupi juga perlu diberi penekanan sebagai aktiviti sokongan kepada kecekapan jentera pentadbiran dan pengurusan.

(ii) Jangkaan Output

- (a) Pembinaan bangunan pejabat dan kuarters yang mencukupi serta pusat latihan yang lengkap dan/atau diselenggara dengan baik,
- (b) rangkaian jalan akses hutan yang sempurna,
- (c) bilangan kenderaan yang mencukupi dengan keadaannya yang berada pada tahap yang baik,
- (d) peningkatan kecekapan organisasi,
- (e) penambahan dan pengisian jawatan,
- (f) penghasilan tenaga kerja yang cekap, efektif dan bermotivasi, dan
- (g) peruntukan belanjawan yang mencukupi.

(iii) Strategi Pelaksanaan

- (a) Membina dan menyelenggara pejabat serta kuarters,
- (b) membina dan menyelenggara jalan akses hutan serta jambatan,

(c) membeli dan menyelenggara kenderaan,

(d) menyusun organisasi termasuk menubuhkan unit-unit baru berdasarkan keperluan semasa,

(e) menyediakan program latihan yang komprehensif, dan

(f) mendapat kan sumber kewangan yang mencukupi.

Program ini meliputi projek-projek berikut:

- Pusat Pendidikan Perhutanan;
- bangunan dan perumahan jabatan;
- perhubungan jalan hutan;
- pembelian dan penyelenggaraan pengangkutan;
- pengisian jawatan;
- latihan untuk penjawat awam di dalam JPNS;
- peningkatan kualiti JPNS; dan
- belanjawan.